

# PANDEMIK COVID-19 dan Nasib Masyarakat Orang Asli

PERTUBUHAN Bangsa-Bangsa Bersatu menganggarkan terdapat 476 juta orang asli atau peribumi di seluruh dunia. Walaupun jumlah tersebut kurang lima peratus daripada populasi global, mereka merangkumi 15 peratus dalam kalangan masyarakat termiskin di dunia.



Isu mengenai masyarakat peribumi hampir sama di seluruh dunia termasuk Malaysia yang merangkumi isu kelangsungan budaya, bahasa, tanah adat, alam sekitar, kemiskinan, akses kepada pendidikan, perkhidmatan dan kemudahan asas. Seperti masyarakat lain, masyarakat orang asli juga mengalami perubahan, sama ada perubahan itu dirancang atau datangnya daripada komuniti itu sendiri. Begitu pun, isu berkaitan dengan kemunduran dan kemiskinan sering dikaitkan dengan komuniti ini.

Namun demikian, dari semasa ke semasa, masyarakat ini mengalami perubahan kesan daripada hambatan globalisasi dan kemodenan. Tidak ada masyarakat di dunia yang tidak berubah. Semuanya akan melalui proses perubahan sama ada perubahan itu cepat mahupun perlahan. Akan tetapi, perubahan ini sudah pasti membawa pelbagai cabaran dan halangan yang terpaksa ditempuhi.

Apabila dunia dilanda pandemik COVID-19 bermula pada tahun lalu, kesannya turut berlaku dalam masyarakat peribumi global. Di Amerika Syarikat, hingga Julai 2020, lebih daripada 70 ribu kes COVID-19 dilaporkan dengan lebih 2000 kematian dicatatkan dalam kalangan masyarakat peribumi. Red Eclesial Panamazonia (REPAM) pula melaporkan, hingga Julai 2020, sebanyak 1108 masyarakat peribumi meninggal dunia dan 27 517 kes direkodkan, dengan majoritinya di Brazil. Penyakit ini juga telah menyerang sekurang-kurangnya 38 Indigenous Nations, di Amazonia. Di Kanada pula, dilaporkan hingga September 2020, sebanyak 627 orang disahkan dijangkiti COVID-19; 129 kes aktif; 51 orang pesakit ditempatkan di hospital; 488 kes pulih; dan 10 kematian dalam kalangan First Nations.

Jika ditinjau di Malaysia pula, orang asli boleh dianggap sebagai kumpulan minoriti di negara ini. Jumlah masyarakat orang asli pada tahun 2019 hampir 200 ribu orang, iaitu hanya meliputi 0.6 peratus daripada populasi Malaysia (28.3 juta). Orang asli di negara ini terdiri daripada 18 suku bangsa di bawah tiga suku kaum utama, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Kes pertama COVID-19 yang dicatatkan dalam kalangan masyarakat orang asli di negara ini melibatkan kanak-kanak berusia tiga tahun yang dilaporkan oleh sebuah akhbar tempatan di Cameron Highlands. Terdapat tiga buah kampung orang asli diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD), iaitu Perkampungan Orang Asli Paya Lebar serta Perkampungan Orang Asli Sungai Gabai, Sungai Lui (31

Mac – 13 April 2020) dan yang terkini ialah Kampung Orang Asli Batu 6, Jalan Pahang, Batang Padang, Perak (21 Januari – 3 Februari 2021).

Masyarakat orang asli merupakan antara golongan yang paling terdedah dan berisiko kepada pandemik ini disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, ciri geografi dan petempatan komuniti masyarakat orang asli di kawasan pedalaman dan terpencil. Keadaan ekonomi dan keterbatasan sumber makanan serta kemudahan dan perkhidmatan menjadikan golongan ini mudah terdedah kepada pandemik COVID-19. Kedua, biologikal masyarakat orang asli. Kebanyakan masyarakat orang asli yang tinggal di kawasan pedalaman dan luar bandar ialah golongan warga emas dan kanak-kanak. Kekurangan nutrisi pemakanan dan daya lawan penyakit mengakibatkan mereka berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan COVID-19.

Ketiga, peranan masyarakat orang asli dalam keluarga dan komuniti. Masyarakat orang asli ialah masyarakat rentan yang kebanyakannya tinggal dalam keluarga yang luas, iaitu terdiri daripada pelbagai generasi. Oleh hal yang demikian, pengasingan di dalam rumah tidak berlaku lantas setiap ahli keluarga mudah terdedah dengan wabak ini terutamanya warga emas. Faktor yang keempat ialah budaya. Masyarakat orang asli sangat rapat dan berpegang pada budaya mereka. Warga emas sering memainkan peranan utama dalam perhimpunan komuniti, sama ada tarian, upacara penyembuhan, atau tadbir urus hal ehwal budaya seperti kematian dan perkahwinan. Mengehadkan akses kepada warga emas dan ahli komuniti dalam pengurusan budaya sukar dilaksanakan ketika menularnya pandemik ini.

COVID-19 juga memberikan cabaran dan risiko terhadap masyarakat orang asli. Antaranya termasuklah kekangan akses kepada komunikasi dan mendapatkan maklumat yang berkesan. Kebanyakan masyarakat orang asli terutamanya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman tidak mempunyai akses kepada komunikasi yang berkesan untuk membantu mereka

memahami wabak ini. Masyarakat orang asli juga kurang memahami bahasa formal yang digunakan sehingga mereka kurang memahami mesej COVID-19 terutamanya dalam kalangan warga emas. COVID-19 yang berlaku ini juga menunjukkan terdapat jurang digital yang jelas dan memperlihatkan ketidaksamaan sosial antara mereka yang mempunyai akses yang baik dengan menggunakan media baharu berbanding dengan mereka yang tidak memiliki akses tersebut.

Selain itu, masyarakat orang asli juga berisiko tercicir daripada menerima bantuan ketika musim penularan pandemik ini. Hal ini dikatakan demikian kerana ada dalam kalangan mereka yang lari ke hutan dan ramai yang buta huruf atau kurang maklumat mengenai pendaftaran untuk Bantuan Prihatin Nasional (BPN) serta tiada akaun bank. Kad bank dan bank juga tidak dapat diakses terutamanya bagi mereka yang tinggal jauh dari bandar. Antara cabaran lain ialah masyarakat orang asli di kawasan pedalaman sering pergi ke hutan bagi mencari hasil hutan. Aktiviti tersebut merupakan sebahagian daripada sosioekonomi mereka. Apabila Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan, sudah pasti perkara tersebut mengganggu aktiviti harian dan adat mereka. Hal ini memberikan kesan kepada sumber pendapatan, makanan dan tatacara adat mereka.

Oleh itu, pelbagai langkah yang telah dan boleh diambil bagi membantu masyarakat orang asli. Pertama, tindakan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) tidak membenarkan sebarang program khidmat masyarakat dan lawatan kajian penyelidikan dijalankan di perkampungan orang asli kerana bimbang akan penularan COVID-19 tepat pada waktunya. Selain itu, masyarakat orang asli juga mengambil inisiatif sendiri dengan melakukan sekatan, termasuk menubuhkan pasukan rondaan kerana tidak mahu orang luar memasuki kawasan petempatan mereka. Seterusnya, bahagian sektor kesihatan dialu-alukan untuk menyediakan maklumat sebaran dan bahan audiovisual kepada masyarakat orang asli

dengan menggunakan perantaraan bahasa adat mereka. Mesej kebersihan, kuarantin dan sebagainya yang berkaitan dengan COVID-19 harus dikongsikan bersamasama ketua komuniti dan pemimpin belia serta golongan muda. Melibatkan belia orang asli dalam penyebaran mesej COVID-19 dalam masyarakat merupakan langkah yang baik kerana golongan ini sangat rapat dengan media sosial.

Pengasingan geografi (*geographical isolation*) juga penting bagi membendung dan membantu masyarakat orang asli daripada dijangkiti COVID-19. Kawasan yang terlibat juga perlu diwakili oleh masyarakat orang asli yang terdiri daripada ketua komuniti, Tok Batin, pemimpin setempat dalam jawatankuasa bertindak atau entiti yang khusus untuk pandemik COVID-19. Jawatankuasa kesihatan ini melibatkan penyertaan aktif pemimpin masyarakat dan masyarakat orang asli itu sendiri dalam usaha pencegahan dan rawatan pesakit COVID-19. Perkara ini boleh dilaksanakan baik semasa wabak mahupun apabila wabak telah berakhir. Bantuan bakul makanan dan barangan seperti pelitup muka, sarung tangan, bahan pembasmi kuman dan barangan lain perlu dibekalkan bagi membendung penularan virus ini. Di samping itu, infrastruktur dan keperluan untuk penjagaan dan rawatan kesihatan perlu disediakan dan diperbanyak di kawasan masyarakat orang asli. Hal ini termasuk bekalan air bersih dan keperluan asas yang lain.

COVID-19 yang berlaku sama sekali tidak boleh dipisahkan daripada isu masyarakat minoriti ini. Hal ini sama seperti isu lain yang diperjuangkan oleh masyarakat orang asli di seluruh dunia, seperti isu hak, ekuiti, iklim, penebangan hutan, ancaman keselamatan makanan, serta peminggiran dan diskriminasi kaum. Oleh itu, pencegahan pandemik global ini perlu turut sama mencakupi masyarakat orang asli. □

Dr. Mohd Roslan Rosnon ialah Ketua Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.